



Perak harap pertemuan dapat dibuat bersama KRI

1 September 2016

IPOH - Kerajaan negeri mengharapkan satu pertemuan dapat diadakan bersama Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) berhubung laporan badan penyelidikan itu yang meletakkan Perak sebagai negeri kedua berpendapatan isi rumah yang rendah.

Dalam pertemuan itu juga, Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berharap agar Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dapat turut serta dan dapat diadakan dalam tempoh masa terdekat.

"Kerajaan negeri juga tidak berhasrat menjadikan laporan yang dibentangkan KRI sebagai polemik tetapi meminta agar pertemuan diadakan bagi membincangkan dan berkongsi maklumat serta data yang diperolehi.

Perbincangan itu penting bagi mengubah persepsi orang luar berikutan laporan KRI itu menggambarkan perspektif tidak baik kepada rakyat negeri ini sekali gus memberi gambaran seolah-olah negeri ini berada dalam kategori negeri termiskin," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Dalam laporan KRI bertajuk Keadaan Isi Rumah 11 pada Isnin lepas, Perak merupakan negeri kedua selepas Kelantan yang mempunyai isi rumah kurang di bawah RM2,000 sebulan selain 81.1 peratus isi rumahnya berpendapatan kurang RM6,000 sebulan.

KRI menjadikan pendapatan RM6,000 sebulan sebagai indikator untuk membezakan antara tahap pendapatan isi rumah antara negeri-negeri kerana pendapatan RM6,000 sebulan itu menghampiri pendapatan purata bulanan isi rumah di Malaysia, RM6,141 sebulan.

Zambry berkata dalam pertemuan itu nanti, beliau berharap satu perbincangan dapat dibuat dalam memperhalusi fakta dan kedudukan sebenar perolehan pendapatan rakyat di negeri ini.

Beliau turut berkata bahawa bukan niat beliau untuk memperbesarkan isu berkenaan sebaliknya ingin tahu kaedah yang telah dijalankan dalam laporan itu.

"Kami tidak mahu berkelahi dengan sesiapa tetapi kita mahu tahu metodologi dan persampelan yang digunakan supaya kita dapat memperbaiki mana-mana kelemahan dan ada beberapa fakta yang perlu diperbetulkan.

Saya pernah mengemukakan, kemungkinan penyelarasan gaji syarikat gergasi atau syarikat milik kerajaan (GLC) yang ada di negeri ini dibuat di Kuala Lumpur, jadi kita mahu tahu kaedah pengiraan yang dibuat," katanya.

Pihaknya dapat menganalisis kekurangan yang dihadapi rakyat di negeri ini sekiranya pertemuan dan perbincangan itu dapat diadakan, katanya. - Bernama

IPOH - Kerajaan negeri mengharapkan satu pertemuan dapat diadakan bersama Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) berhubung laporan badan penyelidikan itu yang meletakkan Perak sebagai negeri kedua berpendapatan isi rumah yang rendah.

Dalam pertemuan itu juga, Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berharap agar Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dapat turut serta dan dapat diadakan dalam tempoh masa terdekat.

"Kerajaan negeri juga tidak berhasrat menjadikan laporan yang dibentangkan KRI sebagai polemik tetapi meminta agar pertemuan diadakan bagi membincangkan dan berkongsi maklumat serta data yang diperolehi.

Perbincangan itu penting bagi mengubah persepsi orang luar berikutan laporan KRI itu menggambarkan perspektif tidak baik kepada rakyat negeri ini sekali gus memberi gambaran seolah-olah negeri ini berada dalam kategori negeri termiskin," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Dalam laporan KRI bertajuk Keadaan Isi Rumah 11 pada Isnin lepas, Perak merupakan negeri kedua selepas Kelantan yang mempunyai isi rumah kurang di bawah RM2,000 sebulan selain 81.1 peratus isi rumahnya berpendapatan kurang RM6,000 sebulan.

KRI menjadikan pendapatan RM6,000 sebulan sebagai indikator untuk membezakan antara tahap pendapatan isi rumah antara negeri-negeri kerana pendapatan RM6,000 sebulan itu menghampiri pendapatan purata bulanan isi rumah di Malaysia, RM6,141 sebulan.

Zambry berkata dalam pertemuan itu nanti, beliau berharap satu perbincangan dapat dibuat dalam memperhalusi fakta dan kedudukan sebenar perolehan pendapatan rakyat di negeri ini.

Beliau turut berkata bahawa bukan niat beliau untuk memperbesarkan isu berkenaan sebaliknya ingin tahu kaedah yang telah dijalankan dalam laporan itu.

"Kami tidak mahu berkelahi dengan sesiapa tetapi kita mahu tahu metodologi dan persampelan yang digunakan supaya kita dapat memperbaiki mana-mana kelemahan dan ada beberapa fakta yang perlu diperbetulkan.

Saya pernah mengemukakan, kemungkinan penyelarasan gaji syarikat gergasi atau syarikat milik kerajaan (GLC) yang ada di negeri ini dibuat di Kuala Lumpur, jadi kita mahu tahu kaedah pengiraan yang dibuat," katanya.

Pihaknya dapat menganalisis kekurangan yang dihadapi rakyat di negeri ini sekiranya pertemuan dan perbincangan itu dapat diadakan, katanya. - Bernama